

EMBAH Yati (dua dari kiri) ketika ditemui penyelidik dari UTHM.

Kaji 'azimat' Embah

■ Penyelidik UTHM cari formula ketahanan wanita tertua

Oleh Mohd Hanafis Abdul Haris dan Mustapa Ismail
am@hmetro.com.my
Batu Pahat

Amalan serta petua 'azimat' yang di-amalkan Yati Musdi, 116, yang kekal sihat sehingga kini mendorong sekumpulan saintis serta penyelidik bioteknologi dan biosains dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) untuk membuat kajian lanjut terhadapnya.

Kehadiran lima saintis daripada Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan UTHM itu teretus selepas membaca laporan disiarkan akhbar ini mengenai amalan pemakanan serta petua unik wanita dari Kampung Parit Haji Noor, Sri Medan, yang boleh dianggap sebagai manusia tertua di dunia, baru-baru ini.

Malah, mereka ternyata kagum dengan kekuatan daya fikir dan ingatan Yati atau Embah, selain kemulusan serta keanjalan kulitnya yang masih kekal serta disifatkan lebih

baik daripada sesetengah wanita pertengahan usia.

Pensyarah Kanan Mikrobiologi di Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan UTHM Dr Balkis Abd Talip berkata, kunjungan ke atas Embah itu kali kedua bagi membuat kajian mengenai amalan pemakanan serta petua dirinya.

Dr Balkis yang juga Ketua Jabatan Teknologi Dan Warisan dari fakulti sama berkata, pihaknya bukan saja kagum dengan kekuatan daya fikir Embah yang masih ampuh walaupun usia melebihi satu abad, malah kesihatannya secara keseluruhan tidak pernah sekali pun mendapatkan rawatan daripada hospital.

"Kami mendapati bukan saja kesihatan Embah masih baik, malah kami sebenarnya kagum dengan kekuatan daya fikir serta tubuhnya terutama kuku serta kulitnya yang masih berkeadaan baik,

masih anjal dan lembap.

"Kebiasaannya wanita yang putus haid mengalami kulit kering dan terpaksa menggunakan bantuan pelembap secara lebih kerap," katanya selepas mengunjungi Embah di rumah anak keduanya, Badi'ah Maon, 71, di Parit Penghulu, Sengarang, dekat sini, semalam.

Kesan penggunaan herba dan tumbuhan semula jadi seperti amalan menggunakan minyak kelapa untuk rambutnya serta menggunakan bedak sejuk buatan sendiri dari campuran beras dan daun cekur untuk kulit badannya, amat menakjubkan serta mengatasi kosmetik moden.

"Malah, kekuatan daya pemikiran Embah menyebabkan dia masih dapat berkongsi petua dan amalannya menggunakan pelbagai herba dan tumbuhan tempatan termasuk lempoyang, kunyit, halia, daun sekentut,

pucuk jambu, belut dan putik nangka, yang semuanya kami rekodkan untuk bahan kajian dan penyelidikan lanjut," katanya.

Awal bulan lalu, akhbar ini melaporkan mengenai Yati yang lebih dikenali sebagai Embah, sudah berusia 116 tahun berdasarkan catatan pada dokumen MyKad miliknya, sekali gus boleh dianggap manusia tertua di dunia.

Sementara itu, Dr Faridah berkata, hasil kajian ringkas dan perkongsian petua bersama Embah memberikannya input membantu hasil penyelidikannya bagi menghasilkan ubat bagi merawat Alzheimer atau nyanyuk.

"Pertemuan bersama Embah hari ini (semalam) amat bermanfaat kerana saya akan menggunakan herba dan tumbuhan yang digunakan Embah dalam kajian lanjut bagi menghasilkan ubat antinyanyuk kerana sebelum ini saya hanya gunakan daun kaduk dan pegaga sebagai asas penyelidikan," katanya.

FAKTA
Embah Yati berusia 116 tahun tidak pernah mendapat rawatan di hospital